

14 JUL 2001

Mahathir-Universiti

PERATURAN DI UNIVERSITI AKAN DIPERKETATKAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 14 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan memperketatkan peraturan di universiti bagi memastikan pelajar lebih memberi perhatian kepada pelajaran dan bukannya menggunakan universiti sebagai pusat kegiatan luaran.

Perdana Menteri berkata jika pelajar didapati menggunakan segala kemudahan yang ada di universiti untuk aktiviti yang tidak ada kaitan dengan pelajaran mereka, mereka akan disingkirkan.

"Wang rakyat tidak boleh disia-siakan (iaitu) membelanjakan untuk mereka yang tidak menggunakan wang berkenaan secara yang dirancang," katanya ketika berucap pada sesi ketiga majlis Dialog Belanjawan 2002 di sini.

Kerajaan berpendapat ia perlu tegas dalam perkara ini walaupun akan menerima bantahan daripada pihak-pihak tertentu, katanya.

Bercakap pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji sama ada ia perlu meminda Akta Universiti dan Kolej Universti serta peraturan lain untuk memastikan pelajar menggunakan universiti sebagai tempat menimba ilmu dan bukannya untuk perkara lain.

"Kita hendak kaji Akta Universiti dan Kolej Universiti dan peraturan lain, mungkin dipinda mungkin tidak. Kalau kita hanya perlu mengadakan perubahan berkenaan dengan peraturan-peraturan dan itu memadai, kita tak payah buat pindaan apa-apa.

"Yang penting ialah kita hendak tentukan duit rakyat digunakan untuk memberi pelajaran supaya kita dapat beri kelebihan kepada generasi muda," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis dialog itu, Perdana Menteri mengulangi bahawa para pelajar tidak seharusnya berdemonstrasi di jalan raya atau mempunyai tujuan lain selain daripada matlamat asal mereka iaitu untuk belajar.

Katanya para pelajar sepatutnya mengambil peluang melengkapkan diri untuk menjadi tonggak tenaga kerja yang progresif dan inovatif sebagaimana yang diharapkan kerajaan apabila ia menambah bilangan universiti dan institusi pengajian tinggi selain memberikan biasiswa kepada mereka yang memerlukannya.

"Jika peluang yang disediakan oleh kerajaan ini tidak digunakan sepenuhnya, negara akan ketinggalan kerana tenaga kerja kita kelak tidak akan dapat menandingi pekerja-pekerja negara lain yang sedang berlumba-lumba untuk merebut peluang dalam ekonomi baru," katanya.

Dr Mahathir berkata negara sangat memerlukan tenaga manusia berkemahiran tinggi dan berpengetahuan untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Kerajaan juga, katanya, sedang berusaha meningkatkan lagi penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan bagi membolehkan mereka turut menyumbang dalam pembangunan negara.

Langkah-langkah itu termasuk menggalakkan majikan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, mengamalkan jadual masa anjal, telekerja, pekerjaan sambilan dan perkongsian kerja.

Menurutnya, pada tahun lepas kadar penyertaan tenaga buruh wanita hanya 44.5 peratus berbanding 85.3 peratus lelaki walaupun wanita merupakan hampir separuh daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja.

Perdana Menteri juga berkata badan-badan bukan kerajaan (NGO) adalah penting dan perlu wujud subur dalam masyarakat Malaysia kerana ia dapat

membantu kerajaan meningkatkan keberkesanan programnya.

Bagaimanapun negara tidak memerlukan NGO yang bersikap negatif, sentiasa mengkritik dan membuat tohmahan kepada kerajaan kerana mereka bukan sahaja tidak membantu kerajaan malah sebaliknya menjadi jurucakap pihak asing untuk memburukkan negara sendiri.

"Akhirnya tindakan NGO ini telah menakutkan pelabur asing dan tempatan dan seterusnya menjejaskan usaha kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat," katanya.

Dr Mahathir turut meminta masyarakat dan syarikat swasta mengamalkan sikap sukarela bagi membantu diri sendiri dalam usaha meningkatkan kualiti hidup.

Kerajaan yang prihatin terhadap kualiti hidup golongan kurang bernasib baik membantu mereka melalui program khas bagi membolehkan golongan itu bergiat cergas dalam kegiatan ekonomi, katanya.

Beliau berkata keupayaan teknologi sekarang mencipta alat-alat termasuk komputer lebih mesra pengguna, membuka lebih banyak peluang kepada golongan itu mengambil bahagian cergas dalam pembangunan negara.

-- BERNAMA

AFY SHO MAM RON